

10/02/1999

Menggerakkan Dunia Ketiga mempengaruhi kuasa besar

Azizi Othman

SIDANG Kemuncak G15 yang bermula di sini hari ini, dijangka membuka lembaran baru dari segi tanggungjawab negara membangun dalam menentukan hala tuju dan percaturan dunia untuk menghadapi pelbagai cabaran alaf akan datang. Walaupun banyak pihak berpendapat sidang kemuncak kali ini, iaitu yang kesembilan diadakan, akan banyak bertumpu kepada isu ekonomi terutama krisis kewangan yang dihadapi sebahagian negara anggotanya, ia dijangka turut mengambil kira aspek lain yang tidak kurang pentingnya.

Tidak dinafikan, isu ekonomi akan mendominasi sidang kemuncak kali ini yang lebih utama ialah ia sebenarnya jauh lebih penting daripada sekadar menjadi landasan untuk membincangkan krisis kewangan semata-mata. Ini kerana sebahagian besar negara kini sudah pun mengakui hakikat bahawa dunia sedang dilanda satu krisis ekonomi yang rumit dan kumpulan negara membangun, termasuk G15 amat prihatin terhadapnya. Malangnya, sebarang perbincangan lanjut, terutama di peringkat negara membangun berhubung isu itu pada peringkat ini mungkin belum membawa kesan mendalam kerana sehingga ini, belum kelihatan sebarang tanda penyelesaiannya.

Sehubungan itu, tidak keterlaluan jika dikatakan sidang kemuncak G15 kali ini akan mengetepikan buat sementara perbincangan berhubung isu kegawatan ekonomi. Sebaliknya, untuk memastikan perjuangan ke arah itu tidak terkubur separuh jalan, satu pendekatan baru akan digunakan iaitu menggerakkan suara negara Dunia Ketiga bagi memastikan dapat mempengaruhi sebarang keputusan yang diambil oleh kuasa besar dunia pada masa depan. Sebenarnya, agenda ini tidak kurang pentingnya kerana ia secara tidak langsung dapat menjurus kepada meningkatnya keberkesanan pelbagai daya usaha yang diambil bagi menyelesaikan masalah sedia ada itu.

Semua pihak sedar kehadiran alaf bukan semata-mata membawa cabaran kepada dunia bagaimana menyelesaikan kemelut ekonomi sejagat yang ketika ini masih hebat dirasakan dan terus mendedahkan semua negara kepada risiko baru yang muncul daripada idealisme kolot iaitu negara kuasa besar sentiasa cuba mengatur urusan negara kecil. Sejarah dengan jelas membuktikan demikian dan perkembangan semasa pula nyata menunjukkan ia terus menjadi agenda kuasa besar.

Atas alasan inilah, sidang kemuncak G15 di sini dijangka merungkai persoalan itu dengan menyusun strategi bagaimana memecah dominasi kuasa besar dalam menentukan pergolakan dunia, sekali gus memastikan kepentingan negara membangun terpelihara. Bagi kebanyakan pihak, ia mungkin boleh disifatkan sebagai aspirasi besar oleh negara kecil tetapi usaha gigih adalah kunci kepada kejayaan. Perjuangan Malaysia khususnya isu kawal selia sistem kewangan dunia mendapat pengiktirafan dunia.

Menariknya, dalam perjuangan baru ini, Malaysia sekali lagi dijangka menjadi pelopor yang akan menggerakkannya. Mesyuarat peringkat pegawai kanan dan menteri G15 yang berakhir semalam jelas membuktikannya. Berbeza dengan kecenderungan Malaysia mengetengahkan isu kegawatan ekonomi dan peranan spekulator mata wang dalam pelbagai forum sebelum ini, sidang kemuncak G15 memperlihatkan satu gerakan baru ke arah menyemai benih kesedaran di kalangan negara membangun bahawa mereka kini perlu berusaha menentukan nasib sendiri.

Memang secara kasarnya kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sidang kemuncak kali ini akan memberikan landasan untuk memperjelaskan mengenai perlunya tata cara sistem kewangan antarabangsa diperbaiki tetapi yang jelas ialah sudah wujud daya usaha Kuala Lumpur

untuk mengangkat martabat forum itu setingkat lagi supaya ia lebih dihormati. Semua ini sebenarnya digerakkan untuk memastikan setiap anggota G15 keluar daripada kepompong paling sukar yang selama ini sering berpuas hati menjadi pengikut dan masih keberatan untuk menjadi pemimpin.

Dengan itu, tidak hairanlah jika dua lagi pemimpin negara yang mengiringi Perdana Menteri ke sidang kemuncak kali ini iaitu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dengan jelas sudah memulakan kempen merintis jalan ke arah itu. Sehingga ini, penerimaan terhadap ideologi yang diketengahkan sudah mendapat perhatian dan tidak keterlaluan dikatakan, kejayaan untuknya mungkin dicapai lebih cepat daripada yang dijangkakan.

Sebenarnya, usaha mengangkat martabat forum negara membangun seperti G15 ke tahap lebih tinggi di mata negara maju tidaklah begitu sukar kerana ia hanya memerlukan perubahan sikap dan sedikit keberanian bersuara menyatakan pendapat di kalangan negara dunia ketiga. Menyedari suara negara membangun sering tidak mendapat perhatian sewajarnya, kesepakatan adalah senjata utama meningkatkan kepentingannya pertubuhan itu. Oleh kerana negara dunia ketiga mempunyai pengaruh yang minimum terhadap pergolakan dunia, sebarang saranan yang dikemukakan sering tidak mendapat perhatian sewajarnya.

Cuba memecah kebuntuan itu, Malaysia dalam sidang kemuncak G15 kali ini mengetengahkan bahawa suara dunia ketiga sebenarnya boleh menggegarkan dunia kerana ia adalah kelompok majoriti. Sesuatu yang menjejaskan keberkesannya selama ini ialah tiada persefahaman dalam sebarang ketetapan yang dibuat. Memburukkan lagi keadaan ialah, jika adapun persefahaman, banyak negara yang enggan bertegas mempertahankan pendirian masing-masing, menyebabkan ia sering mudah ditepis kuasa besar yang berkepentingan.

Sebagai negara dunia ketiga yang paling lantang bersuara di pentas dunia dan anggota paling dihormati dalam G15, Malaysia sedar bahawa sudah sampai masanya untuk negara Dunia Ketiga mula berusaha untuk mewujudkan keseimbangan pengaruh antara negara maju dan ekonomi membangun berhubung apa saja keputusan yang membabitkan kepentingan sejagat pada masa depan. Sudah terlalu lama negara dunia ketiga cuma berpeluk tubuh melihat kuasa besar cuba memperbaiki peradaban dunia tetapi harapan tetap tinggal harapan.

Sehingga ini, masih belum wujud sebarang tanda pemulihan, malah mereka nampaknya lebih cenderung untuk terus mencatuti pergolakan masa depan menerusi pelbagai strategi halus terutama pengusaan ekonomi. Contoh yang jelas ialah kecenderungan mengaitkan isu buruh dan alam sekitar dengan perdagangan seperti yang berlaku pada Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO). Peka kepada implikasi serius yang mungkin dibawanya kepada negara dunia ketiga, Malaysia menjadikan isu itu sebagai kes kajian untuk membuka mata negara membangun terutama G15 mengenai hasrat negara maju itu.

Itulah sebabnya, dalam mesyuarat peringkat pegawai kanan dan menteri, Malaysia secara terbuka menyuarakan bahawa negara dunia ketiga terutama G15 sendiri perlu sepakat, bukan hanya untuk membantah isu itu malah juga menyuarakannya. Memang semua negara membangun tidak bersetuju dengan hasrat negara maju mengaitkan isu buruh dan alam sekitar dengan perdagangan tetapi soalnya tidak ramai yang sanggup menyuarakan bantahan mereka. Itulah sebabnya walaupun negara ketiga membentuk majoriti perwakilan dalam WTO, hampir semua keputusannya selama ini banyak memihak kepada melindungi kepentingan minoriti iaitu negara maju.

Dengan penjelasan yang demikian, diharapkan negara membangun yang sebelum ini sering pasif dalam pelbagai forum antarabangsa akan mengubah sikap mereka kerana usaha Malaysia itu bukan untuk kepentingan sendiri

tetapi sebagai sebahagian tanggungjawabnya memperbetulkan kepincangan yang ada. Semoga sokongan yang diterima akan membantu mempercepatkan lagi proses keseimbangan pengaruh di antara negara maju dan membangun pada masa depan.

(END)